

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan piawaian/ garis panduan untuk dipatuhi oleh sesuatu perkhidmatan pengangkutan supaya mematuhi Syariah atau disahkan Halal seperti Rayani Air.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan dan Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan telah menetapkan perkara yang melibatkan pentadbiran agama Islam dan